

11 NOV 2000

OIC-Qatar

QATAR SAMBUT PEMIMPIN ISLAM KE SIDANG KEMUNCAK OIC

Oleh: Muin Abdul Majid

DOHA, 11 Nov (Bernama) -- Qatar kini menyambut kedatangan pemimpin-pemimpin Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) bagi sidang kemuncak ke-9 kumpulan 56 negara itu yang bermula esok.

Lapangan Terbang Antarabangsa Doha dilaporkan ditutup sementara kepada penerbangan komersil sehingga pukul 11.30 malam (waktu tempatan) hari ini bagi menyambut ketibaan pemimpin dan orang kenamaan lain, menyebabkan penerbangan ditukarkan laluan ke bandar raya berdekatan lain.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba hari ini dari Kuala Lumpur untuk menghadiri sidang kemuncak itu buat kali keempatnya. Pemimpin-pemimpin lain juga tiba secara berperingkat sepanjang hari ini.

Persidangan selama tiga hari itu dikenali sebagai "Sidang Kemuncak Keamanan dan Pembangunan" dan akan dirasmikan oleh Emir Qatar Sheikh Hamad bin Khalifa Al-Thani.

Tempat-tempat tarikan utama Doha telah dihias cantik, dan kawasan-kawasan yang sering menjadi tumpuan telah dipenuhi dengan pokok-pokok hiasan dan sepanduk berwarna warni.

Kenderaan baru pelbagai jenama dengan tempat duduknya masih ditutupi plastik dapat dilihat di sekitar bandar raya ini dengan membawa anggota perwakilan.

Cuaca hari ini cerah, satu perubahan besar daripada Khamis lepas kerana hujan lebat dan kawasan pinggir bandarnya dan kawasan rendah dipenuhi air.

Sidang kemuncak itu diadakan semasa dunia Islam melahirkan kemarahan mengenai keganasan berterusan Israel terhadap rakyat Palestin.

Menteri-menteri Luar OIC malam tadi merumuskan bahawa mesyuarat persediaan dua hari mereka menumpukan kepada keganasan yang berlarutan selama enam minggu di wilayah-wilayah Palestin.

Mereka meluluskan draf resolusi negara-negara OIC untuk memutuskan semua perhubungan dengan Israel kerana "jenayah perang" terhadap penduduk Palestin.

Pada awalnya terdapat kebimbangan bahawa beberapa negara utama OIC tidak akan menghadiri sidang kemuncak itu kerana hubungan Qatar dengan Tel Aviv.

Selepas Qatar mengurangkan hubungan komersil dengan Israel pada Khamis dengan menutup pejabat perdagangan Israel di sini, Presiden Iran Mohamed Khatami dan Putera Mahkota Arab Saudi Putera Abdullah telah mengesahkan kehadiran mereka pada sidang kemuncak itu.

-- BERNAMA

MAM YBY RHM MAI